



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	18/1/2013

Melayu perlu bersatu

BH-18/1/2013

» Langkah
pastikan
kerajaan dapat
sokongan pada
PRU-13: Dr M

Oleh Norrasyidah Arshad
dan Nurul Fhatihah
Mohd Zakinan
bhnews@bharian.com.my

► Shah Alam

Orang Melayu perlu bersatu bagi memastikan kerajaan sedia ada kembali mendapat sokongan dua pertiga pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) bagi mengelak hak mereka dirampas

pihak lain.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata orang Melayu ketika ini tidak bersatu dan tidak memberi sokongan penuh kepada kerajaan.

Perlu bersatu sekarang

“Orang Melayu perlu bersatu dengan tujuan yang satu. Melayu tidak bersatu sekarang, sebab itu saya cakap macam itu tadi, mereka tidak menyokong penuh kerajaan, sebab itu mereka perlu bersatu sekarang,” katanya.

Dr Mahathir berkata, selepas lima dekad merdeka, masyarakat Melayu hari ini berpecah belah, lebih buruk berbanding sebelumnya.

“Politik terus menjadi faktor utama perpecahan ini,” katanya pada sidang akhbar selepas

program Bicara Minda Tun Dr Mahathir Mohamad: Masa Depan Melayu dan Islam Selepas PRU-13, di sini semalam. Hadir sama isteri beliau, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Sementara itu, Dr Mahathir mengakui warga asing dibenarkan hak kewarganegaraan di Sabah sewaktu beliau mengetuai kerajaan, tetapi menegaskan ia tidak bercanggah dengan undang-undang.

“
Politik terus
menjadi faktor
utama
perpecahan ini”

Dr Mahathir Mohamad,
Bekas Perdana Menteri

Tepati syarat

“Kita memberi mereka warganegara dengan syarat menepati syarat tertentu. Mereka yang dapat bukannya tinggal di Sabah sehari dua tetapi 20 atau 30 tahun dan sudah boleh bercakap Melayu,” katanya.

Menjawab soalan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, Mahathir berkata, kronisme adalah satu konsep yang disalahtafsirkan.

“Misalnya, jika anda berikan RM1 juta kepada penarik beca, dia akan membelanjakannya untuk perkara tidak berfaedah dan tidak lama dia akan minta lagi. Jika seseorang yang berwibawa dengan mempunyai rekod memperoleh wang itu, ia akan digunakan dengan bijak dan mungkin berlipat ganda.

“Budaya memberi kepada seseorang yang berbakat secara umumnya dianggap sebagai kronisme. Lebih baik dituduh kronisme daripada melihat bangsa kita gagal,” katanya.